

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN

DEWAN RAKYAT, MALAYSIA

**DARIPADA : Y.B. TUAN NGA KOR MING
(TAIPING)**

PERTANYAAN : BERTULIS

Y.B. TUAN NGA KOR MING [TAIPING] minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan secara terperinci jumlah sumbangan hasil cukai dan hasil bukan cukai yang dibayar oleh PETRONAS kepada Kerajaan mengikut tahun sejak penubuhannya pada tahun 1974 sehingga 2016.

JAWAPAN

JAWAPAN:

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat,

1. Jumlah sumbangan hasil cukai dan hasil bukan cukai yang dibayar oleh PETRONAS kepada Kerajaan bagi tahun 1974 hingga 2014 adalah seperti berikut:

Tahun	Cukai Langsung* (RM bilion)	Cukai Tidak Langsung** (RM bilion)	Dividen (RM bilion)	Royalti (RM bilion)	Jumlah Sumbangan PETRONAS (RM bilion)
1974-2000	60.0	6.4	45.8	14.4	126.6
2001	9.9	1.0	4.1	2.0	17.0
2002	7.5	0.7	4.1	1.7	14.0
2003	8.6	0.8	4.1	2.0	15.5
2004	10.5	1.1	5.1	2.3	19.0
2005	14.3	1.6	9.1	3.1	28.1
2006	19.0	2.0	13.0	3.8	37.8
2007	21.8	2.0	16.0	4.3	44.1
2008	26.0	2.1	24.0	4.7	56.8
2009	29.4	2.2	30.0	6.2	67.8
2010	18.7	0.6	30.0	4.2	53.5
2011	21.9	1.1	30.0	5.4	58.4
2012	38.3	1.2	26.3	6.4	72.2
2013	33.3	1.2	27.0	6.2	67.7
2014	32.5	1.2	29.0	6.5	69.2
Jumlah	351.7	25.2	297.6	73.2	747.7

* Cukai langsung adalah cukai pendapatan syarikat di bawah Akta Cukai Pendapatan 1967 dan cukai pendapatan petroleum di bawah Akta Petroleum (Cukai Pendapatan) 1967.

** Cukai tidak langsung adalah duti eksport ke atas produk petroleum.

2. Bagi tahun 2015, jumlah sumbangan hasil cukai dan hasil bukan cukai yang dibayar oleh PETRONAS kepada Kerajaan tidak dapat dikemukakan kerana laporan kewangan PETRONAS belum dimuktamadkan. Sementara bagi tahun 2016 pula, jumlah sumbangan belum dapat ditentukan.